

## Penggunaan Nama Saintifik (fresh cut flower) Yang Tiada Nama Spesies (Hanya Genus) Yang Sedia Ada Dalam Sistem ePermit Untuk Permohonan Permit Import (Import Permit, IP)

1. Selaras dengan **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976**, **Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981** dan **Standard Antarabangsa, ISPM. No.11**; semua pengimportan produk pertanian pada keadaan di bawah akan terlebih dahulu dijalankan PRA,
  - i. Komoditi baru, yang belum pernah import dari mana-mana negara ;
  - ii. Pengimportan dari negara lain daripada negara yang telah dibenarkan pengimportan sebelumnya ;
  - iii. Bentuk komoditi baru (description form) ;
  - iv. Semakan syarat-syarat pengimportan sedia ada apabila terdapat maklumat baru yang menunjukkan syarat-syarat pengimportan sedia ada tidak memenuhi keperluan Sanitary & Phytosanitary (SPS) negara ;
  - v. Terdapat pemintasan samada perosak kuarantin dan bukan kuarantin termasuk artikel terkawal dan lain-lain *contaminant* di pintu masuk - pengimportan daripada pengimport yang tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan akan digantung sementara;atau;
  - vi. Terdapat laporan kemerebakkan perosak kuarantin di negara pengeksport - semua pengimportan konsainan tersebut
2. Pengimportan yang dahulunya hanya mempunyai nama 'genus' akan memerlukan nama saintifik penuh iaitu **genus** dan **spesies**. Pengimportan **fresh cut flower** yang hanya mengandungi genus sahaja yang **sedia ada dalam sistem ePermit**, akan dibenarkan permohonan Permit Import (Import Permit, IP) sehingga **1 Julai 2013**. Selepas tarikh tersebut, IP yang hanya ada nama 'genus' sahaja akan diberhentikan.

Berkuatkuasa selepas tarikh tersebut, semua pengimportan memerlukan nama saintifik yang penuh.

Dalam tempoh tersebut, semua organisasi/pengimport/pengeksport dan yang berkenaan dinasihatkan untuk mula menghantar surat permohonan pengimportan secara rasmi yang mengandungi :

- i. nama dan alamat pengimport,
- ii. nama dan alamat pengeksport,
- iii. nama saintifik penuh komoditi tersebut (genus dan spesies),

- iv. nama biasa komoditi tersebut,
- v. negara asal,
- vi. tujuan pengimportan,
- vii. kuantiti yang ingin diimport,
- viii. kekerapan pengimportan akan dijalankan setahun,
- ix. pintu masuk,
- x. bagi tujuan penanaman nama dan alamat penuh tempat tersebut
- xi. dan lain-lain lagi.

3. Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

**Unit Kawalan Import dan Analisa Risiko Perosak (UKIPRA),  
Seksyen Kawalan Import dan Eksport,  
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT),  
Jabatan Pertanian,  
Tingkat 2, Wisma Tani Kuala Lumpur,  
Jalan Sultan Salahuddin,  
50632 Kuala Lumpur, Malaysia.**

**Hotline : 03 - 2030 1500  
E-mail : pradoamy13@gmail.com  
Nom. Faks : 03 – 2697 7164**